

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SPU 309 - Kerajaan dan Politik Malaysia

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan

1. "Pilihanraya (dan sistem parti) di Malaysia telah berjaya mencapai matlamat pertamanya, iaitu mendapatkan satu kerajaan yang berkesan. Tetapi ia gagal mencapai matlamat kedua, iaitu peranan pilihanraya dan parti sebagai institusi pengawalan kuasa". Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada teori demokratik tentang peranan parti dan pilihanraya.
[100 markah]

2. Huraikan bagaimana seseorang sarjana yang dipengaruhi oleh teori konsosiasionalisme Lijphart akan cuba menganalisis proses politik di Semenanjung Malaysia sejak kemerdekaan hingga sekarang. Bincangkan juga sebarang kelemahan yang mungkin wujud dalam analisis ini.
[100 markah]

3. "Ekoran daripada pembangunan yang mendadak dan kemunculan satu sistem pemerintahan yang kukuh sejak dekad 1970an, satu budaya politik yang berdasarkan "developmentalism" dan "statism" semakin kelihatan di Malaysia. Oleh yang demikian, partisipasi politik yang berdasarkan kaum juga semakin berkurangan. Inilah sebabnya mengapa polarisasi kaum kelihatan reda pada dekad 1990an ini". Bincangkan.
[100 markah]

4. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah menghasilkan beberapa implikasi samada disengajakan atau tidak. Pada pandangan anda sejauhmanakah implikasi-implikasi tersebut mempengaruhi perkembangan proses politik domestik Malaysia? Berikan contoh-contoh spesifik untuk menyokong hujah anda.

[100 markah]

5. Dengan merujuk kepada negeri Sabah atau Sarawak, jawab soalan-soalan yang berikut:

- a) Apakah asal-usul perkembangan pergerakan nasionalisme-perkauman di kalangan bumiputra bukan Islam?
- b) Terangkan kesan pergerakan ini terhadap perpaduan kaum dalam negeri berkenaan.
- c) Terangkan juga kesannya terhadap hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

[100 markah]

6. "Sejarah Pembangunan Islam di Malaysia berkait rapat dengan persaingan di antara kumpulan dan gerakan. Persaingan ini berlaku secara aman dan, dalam suasana sekeliling budaya, ekonomi dan politik masyarakat Malaysia, telah berjaya menghasilkan proses Islamisasi yang functional". Apa pendapat anda?

[100 markah]

- oooOooo -